



Takkan nak tunggu nyawa melayang?

Penduduk Bandar Mahkota harap pihak berwajib pandang serius isu jalan rosak

BANDAR MAHKOTA - Bukan seminggu, bukan dua minggu namun sudah lima tahun jalan utama Bandar Mahkota rosak dan terbari begitu sahaja.

Selama itu juga penduduk di kawasan berkenaan berdepan dengan pelbagai masalah dan risiko kemalangan.

Seorang suri rumah, Juliati Juniti, 37, berkata, laluan sepanjang 4.3 kilometer itu kini berlubang dan tidak rata.

"Akak dah lapan tahun tinggal sini, keadaan jalan tu makin lama makin teruk...kami penduduk, nak taknakkena hadap hari-hari laluan ni...

"Setiap kali hujan, risau sangat.. dengan jalan licin, berlubang-lubang pulu tu, air pulu bertakung. Akak sendiri bila bawa motor dah beberapa kali nyaris terjatuh."

"Harap sangat masalah ni dapat perhatian pihak bertanggungjawab," katanya.

Abdul Rahman Tiro, 51, berkata, penduduk kecewa kerana isu itu langsung tidak diberi perhatian pihak berwajib.

"Yang jadi mangsa kita lahir...bila kita kata jalan rosak, maksudnya ia melibatkan nyawa orang ramai. Jadi takkan nak tunggu nyawa melayang barulah ambil tindakan?," katanya.



Sulaiman (dua, kanan) sempat membuat tinjauan di sepanjang kawasan jalan yang rosak bersama sebahagian penduduk.

Penduduk hampir putus asa

DALAM pada itu, Wan Persatuan Penduduk Jalan Mentari, Abu Hanifah Majid, 50, berkata, pihaknya sudah pun memanjangkan isu tersebut kepada pelbagai pihak.

"Sampai sekarang macam tu juga...tak nampak bayang pun pihak yang nak datang membantu. Masalah dah lama, kadang-kadang rasa putus asa dibuatnya," katanya.

dibuatnya," katanya.

Dalam pada itu, Pengurus Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, belum menggesa pihak yang bertanggungjawab mengambil serius isu berkenaan.

Katanya, jika ada masalah antara pemaju dan pihak berkuasa tempatan sekalipun pasti ada jalan

penyelesaian.

"Jangan disebabkan tak ada kaitan tak nak ambil tahu langsung dan yang jadi mangsa adalah penduduk."

"Apa pun pihak bertanggungjawab perlu cakna dengan isu penduduk dan bukan blarkan masalah itu tanpa penyelesaian," katanya kepada Sinar Harian.



kerja penyelenggaraan bakal dilaksanakan

SEMENTARA itu, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohamad Zain A Hamid berkata, sesi perjumpaan antara pihak MDKL, Majlis Persatuan Penduduk Zon 19 bersama pihak pemaju telah pun diadakan pada 16 Mac lalu.

Menerusi perbincangan tersebut, suatu langkah penyelesaian telah diperse�타ui yang mana pihak pemaju berkaitan akan memulakan kerja-kerja penyelenggaraan di jalan utama mengikut bahagian kawasan

dalam-tempoh dua minggu yang akan meliputi sebahagian penyelenggaraan jalan, longkang, rumput, landskap dan lampu yang masih berada di bawah tanggungjawab pihak pemaju.

Mohamad Zain turut berkata, pihaknya telah menetapkan tempoh tiga bulan daripada tarikh perbincangan untuk pihak pemaju mengemukakan perancangan bagi perlaksanaan menyiapkan keseluruhan jalan di kawasan Bandar Mahkota.